



REALITIES OF RAIN

APAKAH REALITI HUJAN?

Di Tenggara Queensland, kita boleh bergantung kepada semua jenis hujan - terdapat hujan pada hari perkahwinan, hujan hujung minggu yang panjang, hujan lebat cuti sekolah dan hujan yang hanya turun selepas kereta di polish.

Sayangnya, satu-satunya hujan yang kita tidak boleh harapkan, adalah hujan apabila kita memerlukannya, di mana kita memerlukannya.

Itulah sebabnya kita merancang masa depan air kita - kerana kita tidak boleh selalu bergantung kepada hujan.

Realiti Hujan ialah memulakan perbualan dengan komuniti Queensland Tenggara mengenai apa yang kita lakukan ketika kita tidak dapat selalu bergantung harapan kepada hujan.



MENGAPA KITA BERGAKAP TENTANG HUJAN?

Sehingga kini, kami telah bergantung kepada empangan untuk bekalan air kami - tetapi ini bergantung kepada di mana dan bila turunnya hujan.

Empangan hanya menakung air, bukan menghasilkannya. Dengan perubahan iklim dan populasi yang semakin meningkat, mempunyai empangan sahaja tidak akan cukup untuk masa depan.

Tiada siapa yang mahu melihat Queensland Tenggara tanpa air yang cukup untuk hidup, bekerja dan bermain dengan cara yang kita mahu.

Itulah sebabnya kami membuat perancangan sekarang - dan kami mahu komuniti menjadi sebahagian daripada perancangan kami.



APA YANG PERLU SAYA BUAT?

Kami telah mencipta hab "Realiti Hujan" di yourseqwater.com.au.

- **Daftar untuk e-berita Realiti Hujan** dan menjadi yang pertama tahu apabila video, artikel dan fakta menarik tentang rancangan kami untuk masa depan air akan ditambahkan ke hab.
- **Sila lihat rancangan tersebut** - panduan kami kepada program Keselamatan Air kami memberikan anda gambaran keseluruhan rancangan dan bagaimana ia berjalan.
- **Sila tempah pernyampaian** - kami gembira untuk menyampaikan Realiti Hujan terus kepada anda.
- **Sila ambil kuiz air** - kami ingin mendengar tentang apa yang anda ketahui tentang air, apa yang tidak anda ketahui dan apa yang ingin anda ketahui.
- **Jadilah pengguna bijak air** - sementara tiada langkah-langkah pemuliharaan atau sekatan air pada masa ini, terdapat beberapa perkara mudah yang boleh kita lakukan untuk lebih cekap menggunakan air di sekitar rumah, sekolah dan pejabat. Semak tip kami di hab Realiti Hujan.
- **Mulakan perbualan** dengan anak-anak, keluarga dan rakan-rakan anda mengenai bekalan air di komuniti anda. Tahukah anda dari mana datangnya air minuman anda? Bagaimana air tersebut dirawat?

